

UITM HARI INI DALAM SEJARAH

26 OKTOBER 1990

PERASMIAN KAMPUS TETAP ITM CAWANGAN SARAWAK

Pada 26 Oktober 1990, Yang di-Pertua Negeri, TYT Tun Datuk Patinggi Haji Ahmad Zaidi Aduce bin Muhammed Noor telah merasmikan kampus tetap Institut Teknologi MARA Cawangan Sarawak (ITMCS) di Samariang. Kampus yang disiapkan pada pertengahan 1989 menempatkan 1,389 pelajar dan 208 orang kakitangan yang terdiri daripada 74 orang kakitangan akademik dan selebihnya adalah kakitangan pentadbiran.


Kampus yang bernilai RM30 juta ini merupakan projek fasa pertama. Bangunan lain akan dibina secara berperingkat bagi menjadikannya kampus yang serba lengkap. ITMCS mula dibuka pada Julai 1973 dengan seramai 94 pelajar. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah Diploma Perakaunan, Diploma Perniagaan dan Pengurusan, Diploma Pentadbiran Awam, Diploma Teknologi Kayu dan Diploma Perindustrian Ladang.

Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud semasa berucap, menasihatkan graduan ITM supaya lebih berani bersaing di dalam sektor swasta dan tidak terlalu mengharapkan pekerjaan dengan sektor Kerajaan. "Para graduan harus lebih berani menceburi pelbagai bidang kerjaya bersesuaian dengan kelulusan masing-masing".

Sementara itu, Pengerusi Majlis ITM, Dato' Haji (Dr) Ani Arope memberitahu bahawa ITM sedang mengkaji kemungkinan mengadakan kursus-kursus diploma lanjutan di kampus cawangannya di Sarawak untuk keselesaan penuntut di negeri itu. Kerajaan negeri Sarawak telah memperuntukan 1,000 hektar lagi tanah pertanian di Bako untuk projek pembesaran kampus ITMCS.



TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Datuk Patinggi Haji Ahmad Zaidi (tengah) bersama para jemputan di pentas khas di hari perasmian Kampus ITM Cawangan Sarawak



Kampus Samariang ITM Cawangan Sarawak

Rujukan:

Kampus tetap ITM Cawangan Sarawak selamat dirasmikan. (1990, October). *Berita ITM*.

EDISI OKTOBER